

27/05/1998

Pengalaman, persekitaran pengaruhi karya P Ramlee

Harisun Abu Samah

AHLI falsafah dunia yang terkemuka, Plato telah membuat satu garis untuk membezakan kelebihan seseorang individu. Pada pendapatnya, dalam sesebuah masyarakat itu terdapat individu yang mempunyai kebolehan berfikir lebih baik dari orang lain. Oleh itu Plato memberikan satu dari berbagai ciri yang penting dalam konsep keistimewaan seseorang insan.

Mengikut William James (1842 - 1910), ahli falsafah dan ilmu jiwa Amerika, seorang manusia agung memang ada bakat keagungannya dan dapat mempengaruhi masyarakatnya sejajar dengan aliran dan kehendak zamannya. Mereka wujud tepat pada saat dan ketikanya dan jika muncul pada masa yang tidak tepat, mereka akan ditolak dan kecewa.

Begitulah juga dengan P Ramlee, seorang seniman yang mempunyai bakat serba boleh dan luar biasa, yang tiada pengganti sehingga hari ini. P Ramlee yang kita kagumi ini mempunyai kebolehan berfikir lebih dari insan seni yang lain untuk mengeksploitasikan sesuatu isu dalam filem dan lagu beliau.

Kemunculan beliau tepat pada ketika dan aliran masa serta dilengkapi oleh bakat keagungannya. Pengalaman hidup, sosial, budaya, politik dan perkembangan teknologi banyak mempengaruhi karya beliau.

P Ramlee dilahirkan pada 22 Mac 1929, bukanlah dari golongan yang berada. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa dan kemudian di Sekolah Francis Light seterusnya ke Penang Free School. Pengajian beliau terbantut akibat Perang Dunia Kedua yang tercetus pada tahun 1941.

Pada waktu pemerintahan Jepun, beliau pernah bertugas sebagai peon di kilang bijih timah. Pernah memasuki sekolah tentera laut Jepun (Kaigun) dan di sini beliau berpeluang mempelajari lagu Jepun dan boleh bertutur dalam bahasa Jepun dengan agak baik. Apabila perang tamat, beliau meneruskan pengajian di Penang Free School hingga darjah tujuh.

Pengalaman hidup sebagai insan yang datang dari kalangan yang tidak berada mempengaruhi karya beliau. Apabila beliau diberi peluang oleh Shaw Brothers untuk mengarah filem pertamanya Penarik Becha dalam tahun 1955, kita dapat lihat cetusan pemberontakan hatinya akan ketidakadilan sosial yang berlaku terhadap golongan miskin.

Dalam satu adegan filem Penarik Becha itu Amran mengeluh kepada Pak Mat mengenai anggapan hina golongan kaya kepada mereka yang miskin. Amran bertanya; "Mengapa mereka sanggup buat begitu (menganggap seperti lembu) kepada kita orang miskin?"

Pak Mat menjawab: "Yaa, Amran orang-orang begitu tak pernah susah. Jadi kita semua ini dipandang sebagai sampah".

Adegan itu adalah satu daripada sekian banyak babak yang menyindir kesombongan orang kaya terhadap golongan miskin. Pengalaman hidup ditambah lagi dengan bakat dan kebolehan mempersembahkan isu ini ke dalam medium filem dapat mengetuk minda masyarakat yang menontonnya.

Di dalam sebuah lagu yang bertajuk Kejam Manusia beliau memperkatakan tentang kekejaman manusia yang tiada bertimbang rasa dan sentiasa memandang hina kepada si miskin. Antara lirik lagu itu:

Kebanyakan manusia
mata memandang ke harta

...

Orang kaya jadi pujaannya
yang miskin pandang hina

hai dipandang hina.

Rintihan dan pemberontakan hatinya itu adalah ekor pengalaman hidup beliau sendiri. Antara pengalaman beliau yang diketahui peminatnya ialah kekecewaan cintanya yang pertama dengan seorang gadis bernama Azizah. Kegagalan cinta beliau itu disebabkan perbezaan kelas atau darjat di antara beliau dengan Azizah.

Ada sesetengah pendapat mengatakan filem Antara Dua Darjat adalah manifestasi realiti hidup yang pernah dilaluinya. Percintaan pertama yang dialami dengan gadis bernama Azizah ini telah menghasilkan sebuah lagu dan dinamakan seperti nama gadis itu - Azizah. Lagu ini pertama kalinya didendangkan P Ramlee pada 1 Jun 1948, di Pesta Pertanian Ria, Bukit Mertajam.

Cintanya yang begitu mendalam terhadap Azizah menghasilkan berbagai karya seni. Antaranya yang diketahui ialah filem Penarik Becha dan Antara Dua Darjat termasuk juga lagu Engkau Laksana Bulan.

Secara jelas percintaannya dan kekecewaannya menyebabkan beliau lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan karya seni. Penghinaan terhadap kemiskinannya dan membawa kepada terputus cintanya memberi kesan yang amat mendalam kepada dirinya.

Melalui filem beliau, golongan kaya diwarnakan dengan warna hitam. Banyak sikap dan perlakuan mereka digambarkan dengan begitu buruk. Sebagai satu contoh, Tengku Mukril dalam filem Antara Dua Darjat mempunyai perempuan simpanan di Singapura, walaupun telah bernikah dengan Tengku Zaleha.

Begitu juga dengan watak Haji Bakhil bin Lebai Kedekut, yang sekali gus menghentam sikap orang kaya yang bakhil untuk bersedekah di dalam filem Nasib Labu Labi. Jika dilihat sepintas lalu bolehlah dikatakan beliau menyemai semangat marhainisme di kalangan penonton.

Keadaan sosial di kala itu nyata membezakan darjat dan darah. Menurut Rupert Emerson, di dalam buku Malaysia Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung (Universiti Harvard, 1937) menyatakan; kedatangan penjajah British telah mengukuhkan lagi institusi beraja dan bangsawan di Tanah Melayu. Contoh yang amat jelas ialah terbinanya Maktab Melayu Kuala Kangsar yang khas untuk anak raja dan bangsawan.

Mungkinkah sejarah penentangan seorang ningrat terhadap pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Melayu pada tahun 1949, mempengaruhi beliau? Apatah lagi penentangan itu bukan dari penjajah British! Bonda Tengku Zaleha di dalam Antara Dua Darjat berkata:

"Oh kalau kamu Tengku-Tengku gilakan perempuan kebanyakan, tak mengapa? Kalau Tengku Zaleha gilakan laki-laki kebanyakan, kamu pentingkan darah. Kenapa ayah kamu tidak pentingkan darah semasa ia kahwin dengan aku dulu?"

Nyata di sini perbezaan darah menyebabkan berlaku berbagai sekatan terhadap sesama insan. Penilaian boleh dibuat apabila ningrat Melayu itu menyifatkan cadangan pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Melayu sebagai 'pelepeh ingin naik ke pucuk'.

P Ramlee mungkin telah terasa dan terpengaruh dalam isu ini. Agaknya perkara sebegini mendorong beliau membuat filem seperti Antara Dua Darjat itu.

Rantainya sejarah dan masa berjalan tanpa henti hingga ke era pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kejadian seorang ningrat memukul jurulatih hoki mendapat liputan meluas dan membangkitkan kemarahan rakyat.

Akibatnya Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dan Sultan-Sultan boleh didakwa di Mahkamah Khas jika melakukan kesalahan. Nampaknya perjuangan P Ramlee untuk menilai manusia dengan prinsip 'darah sama merah' ini melalui jalan yang cukup jauh dan panjang. Semenjak Antara Dua Darjat yang dibuat

dalam tahun 1960, hanya pada 1993 menunjukkan dampak yang boleh dikatakan berkesan.

(END)